

# PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA

Oleh: Che Aleha Ladin

Md Nasir Ibrahim

Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif,

Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim Perak, Malaysia.

email: chealeha@gmail.com

## Abstrak

Sejak dengan matlamat UNESCO, penilaian dan pentaksiran merupakan salah satu pendekatan dan strategi untuk meningkatkan kualiti Pendidikan Seni. Pentaksiran Berasaskan Sekolah merupakan satu dimensi dalam menyediakan pelajar memperoleh pengetahuan melalui kaji selidik dan penglibatan dalam kerja artistik secara autentik. Proses yang dilalui oleh pelajar semasa pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah boleh meningkatkan tahap pengalaman, pembelajaran dan struktur yang fleksibel dalam menyediakan penggunaan ilmu pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, penekanan kepada pentaksiran autentik menjadi perkara penting dalam proses pelaksanaannya. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perlaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah dalam konteks Malaysia. Satu kajian kes kualitatif telah dijalankan menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual terhadap pentaksir kawasan, guru dan pelajar tingkatan lima. Dapatkan kajian menunjukkan terdapatnya prosedur dan proses birokrasi dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah bagi menjamin ketulenan pentaksiran. Pelaksanaannya di bilik darjah juga menekankan proses dan penghasilan produk seni. Kajian juga mendapati bahawa guru memainkan peranan penting dalam menyediakan kegiatan pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran yang bersesuaian dengan latar belakang, persekitaran dan keupayaan sebenar pelajar.

**Kata kunci:** pentaksiran berasaskan sekolah, pentaksiran autentik, proses dan produk.

## Pedahuluan

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) adalah satu pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah oleh guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. PBS bukanlah satu pentaksiran baru kerana ia telah lama dilaksanakan secara meluas dalam kebanyakan negara di dunia seperti Amerika, Britain, Australia dan Kanada sebagai satu kaedah alternatif menilai pencapaian pelajar. Scenario tersebut telah berkembang di Negara Asia seperti Singapura, Hong Kong, Filipina, Indonesia dan lain-lain. Para penyelidik di kebanyakan negara (Begum, 2008; Brown & Hattie, 2005; Mercurio, 2008, Galloway, 2008; Gonzales, 2009 & Tan, 2010) telah membincangkan tentang pelaksanaan

PBS sebagai satu kaedah yang dapat menilai pencapaian dan kebolehan pelajar secara sebenarnya di bilik darjah.

## PBS Pendidikan Seni Visual di Malaysia

PBS Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah dilaksanakan melalui kerja kursus yang dikenali sebagai Kajian Rekaan Seni Visual (KRSV). Pelajar tingkatan lima yang memilih mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sebagai mata pelajaran elektif di peringkat sijil Pelajaran Malaysia (SPM) wajib mengambil kerja kursus tersebut. Kerja kursus tersebut perlu dilakukan sebagai syarat untuk lulus kerana ia menyumbang sebanyak 50% daripada pemarkahan SPM.

Tujuan PBS Pendidikan Seni Visual dilaksanakan adalah untuk memupuk

nilai keperibadian, kritis dan kreatif, celik budaya, berpengetahuan secara imaginatif, berkemahiran secara kolektif serta dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian (Buku Panduan Penilaian Kerja Kursus Pendidikan Seni Visual Kajian Rekaan Seni Visual, 2008). Kaedah ini juga diharapkan dapat memberi pengalaman kepada pelajar untuk membuat kajian dan penerokaan kepada penemuan-penemuan baru dengan mengutarakan idea-idea kreatif dan relevan dengan keperluan persekitaran. PBS Pendidikan Seni Visual akan mentaksir proses dan produk iaitu mengamal konsep pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*) dan pentaksiran kepada pembelajaran (*assessment of learning*).

Berikutnya perubahan kaedah pentaksiran berpusat kepada sistem pemarkahan peringkat sekolah sejak tahun 2002, PBS telah memberi kuasa kepada guru mata pelajaran untuk mentaksir dan menilai pelajar mereka sendiri. Menurut Mokhtar (2009), dari segi konsep, inilah yang terbaik dilakukan. Pelajar akan dinilai dalam konteks sebenar yang dikenali dengan pentaksiran autentik. Ia bersesuaian dengan konsep PBS yang menekankan kepada prinsip holistik, sepadu, seimbang dan fleksibel. Sebagai satu proses yang berterusan menilai pencapaian pelajar, PBS telah dirangka secara sistematik mengikut garis panduan dan prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

### Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka proses pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah. Perkara yang dikaji adalah meliputi prosedur pelaksanaan PBS di sekolah, aplikasi dan kaedah PBS Pendidikan Seni Visual.

### Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat memberi panduan kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran yang efektif dalam mengukur pencapaian sebenar pelajar. Aplikasi proses dan kaedah pentaksiran yang berkesan dan sesuai bukan sahaja dapat meningkatkan kecemerlangan pelajar malah dapat meningkatkan kualiti mata pelajaran Pendidikan Seni Visual itu sendiri. Selain itu, kajian ini dapat memartabatkan profesion keguruan kerana guru akan lebih dihormati dan diberi mandat sepenuhnya melaksanakan PBS.

Kajian ini merupakan satu penerokaan terhadap proses pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah. Kajian ini bermanfaat kepada pelajar dalam memastikan penguasaan yang holistik meliputi domain kognitif, afektif dan psikomotor. Pendekatan yang digunakan adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu memastikan perkembangan menyeluruh dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pelajar akan dapat mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam konteks sebenar dan memperoleh manfaat melalui pentaksiran yang tepat.

### Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes. Pendekatan tersebut dipilih berdasarkan kepada keinginan untuk memahami secara mendalam dan mendapat gambaran jelas berkaitan proses pentaksiran PBS Pendidikan Seni Visual. Kajian telah dijalankan di sebuah sekolah menengah di Daerah Larut Matang dan Selama Negeri Perak.

Partisipan kajian yang dipilih adalah melibatkan pelajar tingkatan lima yang mengambil mata pelajaran Seni Visual, dua orang guru Pendidikan Seni Visual, seorang

pentaksir kawasan dan seorang ketua Pentaksir Negeri Perak. Pemilihan partisipan kajian adalah berbentuk persampelan bertujuan. Pemilihan partisipan kajian adalah berasaskan pengalaman dan pengetahuan mereka dalam Pendidikan Seni Visual juga terlibat secara langsung dengan program PBS Pendidikan Seni Visual. Kaedah ini berasaskan kepada andaian bahawa penyelidik mahu meneroka, mengetahui dan memahami, maka responden yang paling banyak boleh dilihat darinya (Merriam, 2009).

Dua teknik pengumpulan data digunakan iaitu pemerhatian tidak turut serta dan temu bual separa berstruktur (Merriam, 2009). Pemerhatian tidak turut serta dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual untuk mendapat gambaran tentang kaedah pentaksiran yang digunakan guru. Teknik temu bual terhadap guru, pentaksir kawasan dan pentaksir negeri digunakan untuk mendapat penjelasan lanjut tentang proses dan kaedah pentaksiran yang digunakan. Data kajian dianalisis secara manual iaitu semasa kajian lapangan dan analisis kandungan selepas selesai kajian lapangan.

### Pembahasan

Dapatan kajian dibentangkan mengikut proses pelaksanaan PBS Pendidikan Seni Visual di sekolah kajian. Dapatan kajian dibincangkan satu persatu untuk memperkayakan kefahaman atas tujuan memahami fenomena proses pelaksanaan PBS di peringkat sekolah dan kaedah pentaksiran yang digunakan oleh guru.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, PBS Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah adalah satu sistem pentaksiran berpusat yang telah dirancang secara teratur dan sistematik melibatkan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), Jabatan Pelajaran Negeri, Jabatan

Pelajaran Daerah. Bagi menjamin kualiti pentaksiran, PBS perlu dilaksanakan secara teratur dan sistematik. Rajah 4.1 di bawah menunjukkan proses pelaksanaan PBS yang diperoleh di tempat kajian. Proses tersebut bermula dengan penerimaan kerja kursus, perlantikan guru pembimbing dan ketua pentaksir sekolah, pelaksanaan pentaksiran, mengumpul dan merekod skor, pemantauan dan penyelaras, pengesahan skor oleh pengetua, pensijilan dan penyimpanan dokumen.

### Soalan Kerja Kursus

Pelaksanaan PBS di peringkat sekolah bermula dengan pengedaran soalan kerja kursus oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) pada akhir bulan Februari setiap tahun. Soalan yang disediakan berbeza-beza setiap tahun. Pelajar dikehendaki memilih satu daripada sembilan soalan yang disediakan antaranya bidang komunikasi visual (reka corak), reka bentuk (hiasan dalaman), reka bentuk (industri), kraf tradisional (batik), seni halus (arca), komunikasi visual (iklan), seni halus (cetakan) dan kraf tradisional (ukiran kayu).

### Perlantikan Guru Pembimbing dan ketua Pentaksir Sekolah

Guru pembimbing perlu dilantik secara rasmi oleh pihak sekolah bagi mengesahkan bahawa beliau telah diberi kuasa dan mandat menjalankan tugas sebagai pentaksir sekolah. Perlantikan ketua pentaksir sekolah pula adalah penting bagi tujuan penyelaras skor di peringkat sekolah dan rujukan oleh pentaksir pelaksanaannya akan terus dirujuk kepada beliau. Pentaksir sekolah dan ketua pentaksir sekolah perlu menghadiri bengkel berkenaan penyelaras dan membuat standard kerja kursus di peringkat Daerah. Peserta bengkel diberi pendedahan, latihan tentang kriteria yang perlu ada dalam folio dalam setiap tajuk kerja kursus yang diberi.

### Memberi Taklimat kepada Pelajar

Pelajar perlu diberi taklimat tentang soalan kerja kursus (KRSV). Penerangan disertakan tentang pentaksiran kerja kursus melibatkan isi kandungan folio dan produk. Pelajar diberi kebebasan untuk memilih tajuk kerja kursus yang diminati. Pemilihan tajuk adalah atas dasar kebolehan dan kesesuaian latar belakang pelajar itu sendiri. Pelajar juga akan diberi satu surat makluman kepada ibu-bapa tentang pelaksanaan kerja kursus yang dijalankan.

### Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah

Pelaksanaan PBS Pendidikan Seni Visual mengambil masa selama 6 bulan bermula dari bulan Februari hingga Ogos. Guru didapati merancang secara tersusun proses yang perlu dilakukan (rujuk Jadual 1 di Lampiran). Berdasarkan pemerhatian yang telah dijalankan di bilik darjah, pentaksiran dilakukan oleh guru pembimbing secara berterusan semasa dan selepas proses pengajaran dan pembelajaran seni. Proses pentaksiran berlaku secara berterusan mengikut bulan, namun penekanan kepada keseluruhan pencapaian pelajar diambil kira apabila pelajar telah selesai melaksanakan kerja kursus yang diberi. Guru didapati menggunakan pelbagai kaedah dalam menjalankan proses pentaksiran di bilik darjah iaitu:

1. Mengaitkan pengalaman sebenar pelajar Guru mengaitkan pengalaman sebenar pelajar dengan tajuk pembelajaran yang diajar. Pelajar perlu mengumpul koleksi gambar berkaitan, menghasilkan lukisan realistik, membuat pengolahan idea, membuat kajian warna dan membuat kajian reka corak sebagai satu proses kajian untuk dimasukkan dalam folio. Lakaran dan kajian yang dihasilkan harus selari dengan

penghasilan produk. Semasa proses pemerhatian dijalankan, guru didapati melatih pelajar supaya dapat menghasilkan lukisan realistik berkaitan dengan gambar dan haiwan marin yang dipilih. Pelajar juga digalakkan untuk memilih ‘subjek matter’ yang mereka tahu dan pernah lihat kerana kaedah ini menggalakkan pelajar melukis dan mewarna dengan tepat. Gambar 4.1 adalah contoh lukisan realistik yang cuba dihasilkan pelajar.



Gambar 1. Contoh lukisan realistik pelajar

2. Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran Guru telah menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti kaedah soal jawab lisan, kaedah tulisan (penghasilan portfolio) dan kaedah pemerhatian bagi menilai domain kognitif, afektif dan psikomotor pelajar. Namun, sepanjang tiga kali pemerhatian di bilik darjah, kaedah soal jawab lisan sering digunakan untuk menguji kefahaman pelajar terhadap apa yang mereka dipelajari. Kebanyakan soalan yang diajukan adalah soalan terbuka, membolehkan pelajar berfikir tentang apa yang dipelajari dalam bilik darjah.

PBS Pendidikan Seni Visual dilaksanakan melalui penghasilan portfolio dan produk. Oleh itu, pentaksiran portfolio adalah salah satu kaedah pentaksiran yang penting. Melalui portfolio, guru dapat menaksir berdasarkan kriteria, keperluan dan kekuatan pencapaian unik individu pelajar. Portfolio adalah bukti yang sah terhadap prestasi koleksi hasil kerja, lakaran,

perkembangan idea dan penguasaan kemahiran kognitif dan psikomotor pelajar. Berdasarkan hasil temu bual dengan guru, pentaksiran portfolio dilakukan secara berterusan. Pentaksiran dilakukan apabila pelajar telah berpuas hati dan memenuhi satu-satu kriteria yang ditetapkan. Pelajar juga diberi peluang untuk memperbaiki dan mempersempahkan hasil kajian yang terbaik sebelum dinilai. Misalnya, penghasilan lukisan realistik dan olahan motif akan diberi penskoran selepas tiga minggu pelaksanaannya.

Kaedah pentaksiran secara pemerhatian juga digunakan oleh guru. Pelajar diperhatikan cara menggunakan alat dan bahan, kemahiran berkomunikasi, proses penghasilan produk mengikut spesifikasi, pewujudan idea, kemasan dan aspek afektif. Dalam menilai aspek afektif, guru didapati menerapkan unsur kebersihan, keselamatan, ketekunan, bekerjasama, ketelitian dan kesempurnaan. Ini dapat dilihat apabila setiap kali proses pengajaran dan pembelajaran, pelajar akan ditegur tentang sahsiah dan sikap bekerjasama antara rakan, mengemas dan menyusun atur semula bilik seni apabila selesai penggunaannya.

Sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran, pelajar dikehendaki duduk di dalam kumpulan. Kaedah ini bertujuan supaya guru dapat memberi bimbingan yang sewajarnya, dapat melihat interaksi yang positif, kerjasama dan mewujudkan komunikasi berkesan antara pelajar.

### 3. Menaksir pelajar apabila telah mengusai sesuatu

Pentaksiran terhadap kemahiran pelajar dalam kerja kursus ini dilaksanakan selepas selesai satu topik kemahiran yang dikehendaki. Guru hanya menaksir

sesuatu kemahiran apabila pelajar betul-betul faham atas apa yang mereka lakukan. Pemarkahan dibuat secara berkala dan mengisi markah pelajar dalam borang progress markah calon yang disediakan.

Guru juga didapati mengamalkan konsep pentaksiran secara proses dan menekankan konsep Pembelajaran Masteri. Pelajar akan diajar sehingga boleh mengusai sesuatu kemahiran melalui proses latih tubi. Aplikasi konsep pembelajaran Masteri penting kepada pelajar yang lemah. Pelajar akan dibimbing untuk mengenalpasti, memahami, mengolah idea secara kritis dan kreatif dalam berkarya mengikut tahap dan kebolehan mereka. Memandangkan pelajar yang mengambil mata pelajaran pendidikan Seni Visual adalah kategori pelajar sederhana dan lemah dari segi pencapaian akademik, guru terpaksa memberi arahan yang sama berulang kali agar pelajar faham apa yang mereka laksanakan.

### 4. Menggunakan rubrik penskoran yang disediakan oleh LPM

Oleh kerana PBS telah dirangka oleh LPM, guru perlu menggunakan rubrik penskoran yang disediakan oleh LPM iaitu Jadual Kriteria Pencapaian Calon (rujuk Jadual 2 di lampiran). Pelajar perlu ditaksir berdasarkan tujuh kriteria iaitu pengetahuan dan kefahaman (5 markah), imaginatif (10 markah), idea (17 markah), penggunaan alat dan bahan (15 markah), proses dan teknik (18 markah), produk (25 markah) dan nilai (10 markah).

Berdasarkan Jadual Kriteria Pencapaian Calon, pelajar perlu ditaksir secara analitik dan markah akhir akan menentukan peratus atau gred pencapaian sama ada memperoleh gred cemerlang, sederhana dan pencapaian minimum. Namun begitu,

hasil temu bual mendapati rubrik penskoran yang disediakan hanya sebagai panduan untuk pengagihan markah kerana guru lebih suka meletakkan skor secara holistik berbanding kaedah analitik.

Berdasarkan kaedah pentaksiran yang telah diaplikasikan, guru bukan sahaja berperanan sebagai pentaksir malah diberi tugas sebagai pembimbing untuk membantu pelajar memahami, meneroka dan menghasilkan kajian yang bermakna. Guru berpendapat pentaksiran harus mengambil kira latar belakang, persekitaran dan kemajuan yang ditunjukkan pelajar.

### **Mengumpul dan Merekod Skor (Penyelarasaran peringkat sekolah)**

Semua hasil kerja pelajar sama ada portfolio atau produk perlu dikumpulkan apabila telah selesai pelaksanaan kerja kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan. Markah calon yang telah diberi oleh guru perlu dikumpul dan diselaraskan di peringkat sekolah. Ketua Pentaksir sekolah akan menyelaraskan semula skor semua pelajar (calon) secara perbincangan dengan guru terbabit.

### **Pemantauan dan Penyelarasaran**

Pemantauan adalah aktiviti penyeliaan terhadap pelaksanaan PBS yang dilakukan oleh pihak sekolah, pentaksir kawasan, Pentaksir Negeri, dan Lembaga Peperiksaan Malaysia. Ia juga berlaku melalui proses penyetaaan atau penyelarasaran pemarkahan hasil pentaksiran yang dijalankan oleh guru dalam sesebuah sekolah, atau penyelarasan antara guru-guru di sekolah, daerah dan negeri lain (Panduan dan Peraturan Pentaksiran Berdasarkan Sekolah, 2011)

Kajian mendapati proses pemantauan berlaku di peringkat sekolah melibatkan Ketua Panitia Pendidikan Seni Visual, Guru Kanan Kemanusiaan dan Penolong Kanan Pentadbiran. Markah yang telah diselaraskan

di peringkat sekolah akan dipantau pula oleh pentaksir kawasan yang dilantik secara rasmi oleh Jabatan Pelajaran Perak. Pemantauan oleh pihak pentaksir kawasan dilakukan sekurang-kurangnya dua kali. Pemantauan dilakukan untuk mendapatkan maklumat dan memastikan PBS dilaksanakan mengikut prosedur dan jadual yang ditetapkan agar mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan.

Kesahan dan kebolehpercayaan PBS Pendidikan Seni Visual dapat dipastikan melalui pemantauan dengan menggunakan instrumen yang standard dan seragam yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan. Proses pemantauan dari peringkat pusat hingga peringkat sekolah dilakukan supaya pelaksanaan PBS dapat dijalankan dengan adil, sahih dan amanah mengikut prosedur yang ditetapkan oleh LPM.

### **Pengesahan Markah oleh Pengetua**

Markah PBS yang telah dipantau dan dibuat perubahan perlu disahkan oleh Pengetua sekolah. Pengesahan perlu untuk memastikan kesahihan skor sebelum dikumpul oleh pentaksir kawasan. Skor yang telah diselaraskan akan dihantar ke Lembaga Peperiksaan Malaysia secara ‘on-line’ dan salinan bercetak.

### **Pensijilan**

Pelajar yang telah siap kerja kursus akan diberi sijil mengikut pencapaian mereka. Calon mestilah memenuhi semua aspek dalam kriteria penskoran untuk mendapat gred cemerlang dan baik iaitu sekurang-kurangnya pencapaian 60% bagi setiap kategori yang ditetapkan. Gred cemerlang dan baik akan dicatatkan dalam sijil pencapaian calon yang akan dikeluarkan oleh pihak sekolah. Pencapaian Memuaskan, Sederhana dan Tidak Mencapai Tahap Minimum tidak akan dicatat dalam sijil.

## **Fail dan Simpan Semua Dokumen Berkaitan**

Pentaksir sekolah perlu menyimpan bukti dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan PBS sehingga 6 bulan selepas keputusan peperiksaan SPM diumumkan.

### **Simpulan**

PBS Pendidikan Seni Visual telah diaplikasikan sebagai satu dimensi dalam menyediakan pelajar supaya memperoleh pengetahuan melalui kaji selidik dan penglibatan dalam kerja artistik secara autentik. Pelajar dapat ditaksir secara menyeluruh merangkumi penguasaan domain kognitif, afektif dan psikomotor. Proses yang dilalui oleh pelajar semasa penghasilan portfolio dan produk boleh meningkatkan tahap pengalaman, pembelajaran dan struktur yang fleksibel dalam menyediakan penggunaan ilmu pada masa akan datang (Beattie, 1997). Ia bersesuaian dengan aplikasi konsep pentaksiran sebagai satu proses formatif dan pentaksiran sebagai satu produk (Boughton, Eisner, & Lightvoet, 1996).

PBS Pendidikan Seni Visual adalah satu sistem pentaksiran berpusat yang dirangka secara sistematik dan dikawal oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. LPM menyediakan soalan kerja kursus, instrumen penskoran, pentaksir kawasan dan pentaksir negeri yang dilantik secara khusus untuk mengawal kualiti PBS. Proses pelaksanaannya harus mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh LPM, malah perlu dilaksanakan secara teratur di peringkat sekolah dengan adanya kawalan di peringkat pusat. Keadaan ini dilakukan supaya adanya keseragaman kaedah pentaksiran PBS di seluruh negara bagi mencapai kesahan dan kebolehanpercayaan pentaksiran dan mencapai satu pentaksiran yang autentik. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya yang *rigid* boleh menyebabkan hilangnya kebebasan guru untuk merangka aktiviti yang bersesuaian

dengan pelajar. Ini kerana guru perlu mengikut spesifikasi aktiviti pembelajaran dan pecahan skor yang ditetapkan.

Justeru, penyelidik mencadangkan supaya adanya pengurangan kuasa di peringkat pusat dengan memberi peluang kepada guru melaksanakan aktiviti pentaksiran yang bersesuaian dengan latar belakang pelajar. Guru juga perlu jelas tentang teknik pentaksiran yang digunakan dan memastikan penggunaan pelbagai teknik yang tepat dan sesuai dengan tahap dan kebolehan pelajar (Nitko & Brookhart, 2011). Keadaan ini dapat menyediakan pelajar supaya bertindak balas terhadap aktiviti pembelajaran mereka dan menjadikan pentaksiran itu lebih autentik. Kejayaan sesuatu pentaksiran bukan sahaja terletak pada pihak guru tetapi juga peranan pelbagai pihak seperti pihak pentadbiran, ibu-bapa dan juga pelajar itu sendiri.

### **Daftar Pustaka**

- Beattie, D. K. 1997. *Assessment in art education*. Worcester, MA: Davis Publications.
- Begum, M. 2008. "School based assessment: Will it really change the education scenario in Bangladesh?" *International Education Studies*. Vol 1(2). [www.ccsenet.org/journal/index.php/ies/article/view/885/860](http://www.ccsenet.org/journal/index.php/ies/article/view/885/860)
- Boughton, D., Eisner, E.W. & Lightvoet, J. 1996. *Evaluating and assessing the visual arts in education*. New York: Teachers College.
- Brown, G. 2011. *School based assessment methods: Development and implementation*. Dalam *First International Educational Conference on Assessment, New Delhi, India*. The Central Board for Secondary Education, India (CBSE) & The Australian Council for Educational Research (ACER).

- Brown, G & Hattie, J. 2005. "School based assessment and Assessment for learning: How can it be implemented in developing and under development countries effectively?" *APEC Colloquium on School Based Assessment, Assessment for Learning*. Kuala Lumpur.
- Buku panduan pelaksanaan dan penilaian kerja kursus Pendidikan Seni Visual Kajian Rekaan Seni Visual. 2008. Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Dorn, C. M. 2004. *The teacher as stakeholder in student art assessment and art program evaluation*. InJAE 2.4 © NTAEC.  
[http://ed.arte.gov.tw/uploadfile/periodical/910\\_0204\\_0617.pdf](http://ed.arte.gov.tw/uploadfile/periodical/910_0204_0617.pdf)
- Galloway, A. 2008. *The Assessment Systems of Finland and Queensland. Policy and New Products, Research Report 1*.  
[http://www.sqa.org.uk/sqa/files\\_ccc/PNP\\_ResearchReport1\\_TheAssessmentSystemsFinlandQueensland.pdf](http://www.sqa.org.uk/sqa/files_ccc/PNP_ResearchReport1_TheAssessmentSystemsFinlandQueensland.pdf)
- Gonzales, R. Dlc. 2009. *School Based Assessment Program in Sri Lanka: An overview*.  
<http://measurementandevaluation.blogspot.com/2009/01/school-based-assessment-program-in-sri.html>
- Mercurio, A. 2008. *Re-imagining school-based assessment at the upper secondary education level*. Annual Conference Re-interpreting Assessment: Society, Measurement and Meaning. South Australia.  
[http://www.iae2008.cambridgeassessment.org.uk/.../180434\\_Mercurio.pdf](http://www.iae2008.cambridgeassessment.org.uk/.../180434_Mercurio.pdf)
- Merriam, S.B. 2009. *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mokhtar, I. 2009. *Pentaksiran pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mueller, J. 2011. *Authentic Assessment Toolbox*.  
<http://jfmueller.faculty.noctrl.edu/toolbox/portfolios.htm>
- Nitko, A. J. & Brookhart, S.M. 2011. *Educational assessment of student* (6th ed.). Boston: Pearson Education.
- Panduan dan Peraturan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. 2011. Putrajaya : Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Tan Ai, M. 2010. *Pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) di Malaysia: Kesediaan guru, isu dan panduan pelaksanaan*. Petaling Jaya: Gerak Budaya Enterprise.